
BAB 3 PENERIMAAN MASUK**BAHAGIAN A - AM****3.01A Perundingan pra-penerimaan masuk**

- (1) Pemohon berpotensi sangat digalakkan untuk berunding dengan Bursa sebelum membuat permohonan untuk penerimaan masuk ke Senarai Rasmi. Perundingan dengan Bursa boleh dilakukan dengan atau tanpa Penaja.
- (1) Pemohon berpotensi yang ingin berunding dengan Bursa harus mengemukakan kepada Bursa dokumen dan maklumat yang dinyatakan di dalam Lampiran 3A sekurang-kurangnya 1 minggu sebelum perundingan dengan Bursa.

3.01 Pengenalan

- (1) Bab ini menyatakan kehendak yang mesti dipatuhi oleh pemohon yang ingin memohon untuk diterima masuk ke Senarai Rasmi.
- (2) Jika perbadanan tersenarai melaksanakan cadangan korporat yang akan mengakibatkan perubahan yang signifikan di dalam haluan perniagaan atau dasar perbadanan tersenarai, Bursa akan melayani perbadanan tersenarai tersebut seolah-olah ia pemohon baharu yang ingin memohon untuk diterima masuk ke Senarai Rasmi. Di dalam keadaan sedemikian, perbadanan tersenarai itu mesti mematuhi kehendak di bawah Bab ini, jika berkenaan.
- (3) Bagi maksud Bab ini, melainkan konteksnya menghendaki yang lain, rujukan kepada "**pemohon**" termasuk satu perbadanan tersenarai yang melaksanakan cadangan korporat yang akan mengakibatkan perubahan yang signifikan di dalam haluan perniagaan atau dasar sebuah perbadanan tersenarai.

BAHAGIAN B – PENERIMAAN MASUK**3.02 Penerimaan masuk**

- (1) Bursa akan menggunakan budi bicaranya ke atas penerimaan masuk dan penerusan penyenaian sekuriti di dalam Senarai Rasminya dan boleh meluluskan atau menolak permohonan untuk penyenaian, yang difikirkannya sesuai.
- (2) Bursa juga boleh meluluskan permohonan untuk penyenaian secara tanpa syarat atau tertakluk kepada syarat sedemikian, yang difikirkannya sesuai.
- (3) Pemohon mesti memohon untuk penerimaan masuk ke Senarai Rasmi melalui Penaja dan mesti mematuhi prosedur dan kehendak penerimaan masuk yang berkaitan sebagaimana yang boleh ditetapkan oleh Bursa.

[Rujukan silang: Nota Panduan 15]

- (4) Penaja yang dilantik oleh pemohon mesti menilai kesesuaian pemohon yang ingin memohon untuk diterima masuk ke Senarai Rasmi.

[Rujukan silang: Nota Panduan 18]

-
- (5) Pemohon, Penaja atau orang lain yang mengambil tanggungjawab untuk semua atau mana-mana bahagian maklumat dan dokumen yang diserahkan kepada Bursa berhubung permohonan penyenaiaan permulaan mesti mengendalikan usaha wajar dan mematuhi Garis Panduan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia mengenai Pengendalian Usaha Wajar untuk Cadangan Korporat seolah-olah penyerahan itu dibuat kepada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.
 - (6) Pemohon yang merupakan syarikat pemerolehan kegunaan khas atau inkubator, termasuk inkubator teknologi mesti memohon untuk penerimaan masuk ke Pasaran Utama sahaja.

3.03 Penyenaiaan rantaian

Pemohon yang merupakan subsidiari atau syarikat pemegang sebuah perbadanan yang semasa ini tersenarai di Pasaran Utama atau Pasaran ACE Bursa tidak boleh memohon penerimaan masuk ke Senarai Rasmi bersendirian melainkan Penaja berpuas hati bahawa -

- (a) pemohon mempunyai perniagaannya tersendiri yang berlainan dan berdaya maju;
- (b) tidak wujud persaingan intra-kumpulan atau percanggahan kepentingan antara pemohon dan semua perbadanan lain di dalam kumpulan syarikat pemegang;
- (c) pemohon adalah bebas daripada perbadanan tersenarai dan tidak tersenarai lain di dalam kumpulan itu dari segi operasinya, termasuk pembelian dan penjualan barang, pengurusan, dasar pengurusan dan kewangan; dan
- (d) perbadanan tersenarai yang sedia ada di dalam kumpulan mesti mempunyai perniagaannya sendiri yang berautonomi dan berupaya mengekalkan penyenaiaannya di masa hadapan.

3.04 Kebebasan perniagaan

Perniagaan teras pemohon bukan merupakan pemegang pelaburan di dalam perbadanan tersenarai lain.

3.05 Modal kerja

Pemohon mesti mempunyai modal kerja yang mencukupi untuk keperluan semasanya dan untuk sekurang-kurangnya 12 bulan dari tarikh prospektusnya untuk tawaran awam permulaan.

3.06 Keselajaran pengurusan

Pemohon mesti mempunyai keselajaran pengurusan yang sama secara substansial di peringkat pengarah eksekutif dan pengurusan kanan untuk 3 tahun kewangan penuh sebelum menyerahkan permohonan penyenaiaannya kepada Bursa atau sejak penubuhannya (sekiranya kurang dari 3 tahun kewangan penuh).

3.07 Perbadanan pelaburan dan pembangunan harta tanah

- (1) Pemohon yang merupakan perbadanan pelaburan dan pembangunan hartanah mesti -
 - (a) melantik jurunilai bebas untuk melakukan penilaian terhadap semua harta tanahnya yang material; dan
 - (b) menyerahkan 2 salinan laporan penilaian harta tanah yang berkenaan kepada Bursa dan sesalinan surat aku janji jurunilai itu di dalam bentuk Lampiran 6D bersama-sama permohonan penyenaiaannya.

-
- (2) Pemohon dan jurunilai itu mesti memastikan bahawa –
- (a) laporan penilaian yang diserahkan menurut Subkaedah (1) di atas mematuhi Kehendak-kehendak ini dan Garis Panduan Penilaian Aset Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa; dan
 - (b) tarikh penilaian itu yang menjadi asas surat aku janji jurunilai menurut Subkaedah (1) (b) di atas adalah terkini, dan di dalam keadaan apa pun, tidak melebihi 6 bulan sebelum tarikh penyerahan kepada Bursa.
- (3) Bagi maksud Subkaedah 1(b) dan 2(a) di atas, "**laporan penilaian**" termasuk sijil penilaian.

3.08 Pengarah bebas

- (1) Pemohon mesti memastikan bahawa sekurang-kurangnya 2 pengarah atau 1/3 lembaga pengarah pemohon, mana yang lebih tinggi, adalah pengarah bebas.
- (2) Sekiranya bilangan pengarah pemohon bukan 3 atau gandaan 3, maka bilangan yang terdekat dengan 1/3 mesti digunakan.

3.09 Jawatankuasa Audit

Pemohon mesti menubuhkan sebuah jawatankuasa audit yang majoritinya terdiri dari pengarah bebas (lihat juga Bab 15).

3.10 Spread pemegang syer

- (1) Pemohon mesti mempunyai sekurang-kurangnya 25% dari jumlah bilangan syer yang ingin disenaraikan di tangan 200 pemegang syer awam sebagai minimum, masing-masing memegang tidak kurang dari 100 syer. Bursa boleh menerima peratusan yang lebih rendah dari ambang 25% sekiranya ia berpuas hati bahawa peratusan yang lebih rendah tersebut adalah mencukupi untuk pasaran yang cair di dalam syer tersebut.
- (2) Pemohon yang memiliki atau akan memiliki syer yang tersenarai di bursa saham lain boleh memasukkan syer ini untuk tujuan pengiraan spread pemegang syer.

[Rujukan silang: Nota Panduan 13]

3.11 Perlembagaan

- (1) Pemohon mesti memasukkan ke di dalam perlembagaannya pelbagai peruntukan yang dinyatakan di dalam Bab 7.
- (2) Pemohon mesti mengemukakan satu surat pematuhan kepada Bursa menurut Kaedah 2.12 bersama-sama perlembagaannya dan satu senarai semak yang menunjukkan pematuhan dengan peruntukan Bab 7 yang berkaitan.

3.12 Syer keutamaan, sekuriti boleh tukar dan sekuriti hutang

- (1) Pemohon boleh menerbit dan menyenarai mana-mana sekuriti sebagai sebahagian dari skim penyenaraianya, termasuk syer keutamaan, sekuriti boleh tukar dan sekuriti hutang. Untuk terbitan sekuriti boleh tukar, pemohon mesti mematuhi kehendak yang dinyatakan di dalam Bahagian H dan I dari Bab 6.

-
- (2) Harga pelaksanaan atau pertukaran sekuriti boleh tukar yang diterbitkan sebelum atau sebagai sebahagian daripada skim penyenaian mesti tidak boleh lebih rendah daripada harga syer biasa pemohon yang ditawarkan kepada awam di bawah tawaran awam permulaan.

BAHAGIAN C – KAEDAH PENAWARAN SEKURITI

1.13 Am

- (1) Tertakluk kepada Subkaedah (2) dan (3) di bawah, pemohon boleh menawarkan sekuritinya melalui suatu tawaran untuk jualan kepada orang awam, penempatan atau binaan-buku. Kaedah menawarkan sekuriti yang dipilih oleh pemohon mesti membolehkan pemohon mempunyai pemegang syer asas yang luas dan mematuhi kehendak spread pemegangan syer di bawah Kaedah 3.10 di atas.
- (2) Suatu tawaran untuk jualan hanya dibenarkan untuk pemohon yang telah menjanakan keuntungan operasi untuk 1 tahun kewangan penuh berdasarkan penyata kewangan teraudit yang terkini.
- (3) Pemohon mesti memastikan bahawa tidak ada tawaran untuk jualan dibuat oleh penganjur jika ia akan menyebabkan semua penganjur secara agregat, memegang kurang dari 45% jumlah bilangan syer biasa pemohon yang diterbitkan pada tarikh penerimaan masuk ke Senarai Rasmi dengan andaian penukaran atau pelaksanaan penuh sekuriti boleh tukar yang dimiliki oleh penganjur, jika ada.
- (4) Pemohon mesti memastikan bahawa perbelanjaan yang dikeluarkan berkaitan dengan suatu tawaran untuk jualan atau tawaran terhad untuk jualan sekuriti ditanggung oleh penawar.

3.14 Tawaran sekuriti

- (1) Pemohon mesti memastikan bahawa asas peruntukan dan pengumpulan sekuritinya adalah adil dan saksama.
- (2) Jika suatu tawaran sekuriti dibuat kepada orang awam melalui pengundian, pemohon mesti mematuhi prosedur pengundian yang dizahirkan di dalam prospektus penyenaian.

3.15 Penempatan sekuriti

- (1) Penaja mesti bertindak sebagai ejen penempatan (atau ejen penempatan bersama, jika berkenaan) untuk sebarang penempatan sekuriti di bawah tawaran awam permulaan.
- (2) Penaja atau mana-mana ejen penempatan lain mesti tidak boleh menyimpan mana-mana sekuriti yang sedang diletakkan untuk akaunnya sendiri, kecuali jika -
- (a) di dalam keadaan pelanggan tidak dipenuhi, sekuriti tersebut diperolehi berikutan suatu perjanjian pengunderaitan; atau
 - (b) sekuriti yang disimpan tersebut melebihi jumlah bilangan sekuriti yang perlu ada di tangan orang awam untuk memenuhi kehendak spread pemegangan syer di dalam Kaedah 3.10.
- (3) Penyimpanan sekuriti bagi maksud Subkaedah (2)(b) di atas mesti tidak boleh mengakibatkan Penaja atau pemegangan ejen penempatan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, 5% atau lebih dari jumlah bilangan syer pemohon yang ingin disenaraikan.

-
- (4) Penaja mesti memastikan bahawa sekuriti tidak diletakkan dengan orang yang berhubungan dengan ejen penempatan, kecuali jika -
- (a) orang yang berhubungan dengan ejen penempatan tersebut adalah -
 - (i) institusi berkanun yang menguruskan dana kepunyaan orang awam; atau
 - (ii) entiti-entiti yang ditubuhkan sebagai skim pelaburan kolektif yang dianggap mewakili orang awam; atau
 - (b) penempatan itu dibuat di bawah pelaksanaan bina-buku, di dalam kes ini -
 - (i) ejen penempatan/pengelola-buku mesti membuat pengaturan di dalaman bagi mengelakkan orang yang berhubungan dengannya dari mengakses buku itu;
 - (ii) ejen penempatan/pengelola-buku mesti memastikan pemohon diberi maklumat lengkap dan mendapatkan persetujuan pemohon sebelum menjemput orang yang berhubungan dengannya untuk membida sekuriti itu;
 - (iii) orang yang berhubungan dengan ejen penempatan/pengelola-buku mesti menzahirkan kepada ejen penempatan/pengelola-buku dan pemohon jumlah bidaan yang telah mereka masukkan untuk akaun mereka sendiri atau akaun pelanggan, di dalam kes yang terpakai;
 - (iv) peruntukan kepada orang yang berhubungan dengan ejen penempatan/pengelola-buku mesti selaras dengan dasar peruntukan yang telah dimaklumkan kepada dan dipersetujui oleh pemohon, termasuk jumlah sekuriti yang akan diperuntukkan kepada pihak tunggal.
- (5) Jumlah agregat penempatan sekuriti dengan orang yang berhubungan dengan ejen penempatan di bawah Subkaedah (4) di atas mesti tidak boleh melebihi 25% dari jumlah sekuriti yang tersedia untuk penempatan oleh ejen penempatan.
- (6) Pemohon tidak boleh membenarkan penempatan sekuriti dibuat kepada -
- (a) Pengarah atau pemegang syer sedia ada pemohon atau orang yang berhubungan dengan mereka (sama ada di dalam nama mereka sendiri atau melalui penama), kecuali di bawah tawaran terhad untuk jualan atau tawaran terhad untuk pelangganan yang disebut di dalam Kaedah 3.16 di bawah atau secara pro rata kepada semua pemegang syer pemohon; atau
 - (b) perbadanan penama melainkan nama-nama benefisiari muktamad dizahirkan.
- (7) Sebaik sahaja boleh dipraktikkan selepas penempatan dan sebelum penyenaian pemohon, Penaja mesti menyerahkan kepada Bursa perkara yang berikut:
- (a) Senarai muktamad (dipecahkan menurut setiap ejen penempatan) yang menyatakan nama, alamat rumah/perniagaan, kad pengenalan/pasport/nombor pendaftaran syarikat, pekerjaan/aktiviti utama, nombor akaun sekuriti semua penerima penempatan dan pemilik benefisial muktamad penempatan sekuriti (jika penerima penempatan adalah perbadanan atau dana penama), dan jumlah dan harga sekuriti yang diletakkan dengan setiap penerima penempatan; dan

- (b) pengesahan dari Penaja bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaannya, setelah mengambil semua langkah yang munasabah dan telah membuat semua siasatan yang munasabah, perincian yang dinyatakan di dalam senarai muktamad penerima penempatan di dalam Subkaedah (a) di atas adalah tepat dan pelaksanaan penempatan itu memenuhi kehendak penempatan seperti yang dinyatakan di dalam Kehendak-kehendak ini.
- (8) Maklumat mengenai benefisiari muktamad sekuriti seperti yang dikehendaki di dalam Subkaedah (7)(a) di atas tidak perlu diserahkan bagi jenis penerima penempatan berikut:
- (a) institusi berkanun yang menguruskan dana kepunyaan orang awam;
 - (b) dana unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia; dan
 - (c) skim pelaburan kolektif yang dibenarkan, diluluskan atau skim pelaburan berdaftar yang diperbadankan, dibentuk atau berdomisil di dalam bidang kuasa selain dari Malaysia dan dikawal selia oleh pihak berkuasa kawal selia yang berkaitan di dalam bidang kuasa itu, tertakluk kepada Penaja mengesahkan kepada Bursa bahawa skim tersebut telah diberi kebenaran, diluluskan atau berdaftar.
- (9) Bursa berhak untuk menghendaki penyerahan maklumat lanjut mengenai pelaksanaan penempatan dan penerima penempatan sebagaimana yang dianggap perlu oleh Bursa untuk tujuan menetapkan kesesuaian pelaksanaan atau kebebasan penerima penempatan itu.

3.16 Tawaran Terhad

Tawaran terhad untuk jualan atau tawaran terhad untuk pelanggan yang dilaksanakan sebagai sebahagian dari skim penyenaian hanya boleh dibuat kepada kumpulan berikut:

- (a) pengarah dan pekerja pemohon;
- (b) pengarah dan pekerja syarikat subsidiari dan syarikat pemegang pemohon;
- (c) orang lain yang telah menyumbang kepada kejayaan pemohon, seperti pembekal, pengedar, peniaga dan pelanggan; dan
- (d) pemegang syer syarikat pemegang pemohon, jika syarikat pemegang adalah tersenarai.

3.17 Penetapan harga sekuriti

Jika sekuriti ditawarkan kepada pihak yang berkaitan bersempena dengan tawaran awam permulaan, harga sekuriti yang ditawarkan kepada pihak yang berkaitan tersebut mestilah sekurang-kurangnya harga terbitan yang ditawarkan kepada awam.

3.18 Penajajaminan

- (1) Pengaturan penajajaminan berhubung penawaran sekuriti adalah atas budi bicara pemohon dan Penajanya.
- (2) Penaja harus menjadi sebahagian daripada sindiket penajajaminan untuk sekuriti yang ditawarkan di bawah tawaran awam permulaan sekiranya terdapat satu pengaturan penajajaminan.

-
- (3) Pemohon mesti menzahirkan di dalam prospektus penyenaiaannya -
- (a) tahap langganan minimum dan asas untuk menentukan tahap minimum berdasarkan faktor seperti tahap pendanaan yang dikehendaki oleh pemohon; dan
 - (b) tahap penajaminan yang telah diatur, bersama-sama justifikasi untuk tahap yang diatur.
- (4) Jika tahap pelanggan minimum tidak tercapai, penawaran sekuriti mesti ditamatkan dan balasan yang diterima mesti dikembalikan kepada semua pelanggan dengan serta merta.

3.19 Moratorium ke atas syer penganjur

- (1) Moratorium akan dikenakan terhadap penjualan, pemindahan atau penyerahan hak syer yang dipegang oleh penganjur pemohon selain yang ditentukan di dalam Subkaedah (1A) di bawah, seperti berikut:
- (a) Moratorium dikenakan kepada keseluruhan pemegangan syer penganjur pemohon untuk tempoh 6 bulan dari tarikh penerimaan masuk ke Senarai Rasmi.
 - (b) Setelah tamat tempoh 6 bulan yang disebutkan di atas, perbadanan tersenarai mesti memastikan bahawa pemegangan agregat penganjur berjumlah sekurang-kurangnya 45% dari jumlah bilangan syer biasa yang diterbitkan (diselaraskan untuk sebarang terbitan bonus atau pembahagian kecil syer) perbadanan tersenarai kekal di bawah moratorium, untuk tempoh 6 bulan lagi.
 - (c) Selepas itu, tertakluk kepada Subkaedah (d) di bawah ini, penganjur boleh menjual, memindahkan atau menyerahkan hak secara maksimum 1/3 setahun dari syer yang dipegang di bawah moratorium (berasaskan garis lurus).
 - (d) Jika perbadanan tersenarai tidak dapat menjanakan pendapatan operasi 1 tahun kewangan penuh berdasarkan penyata kewangan teraudit yang terkini, penganjur hanya boleh menjual, memindah atau menyerahkan hak secara maksimum 1/3 setahun (berasaskan garis lurus) dari syer yang dipegang di bawah moratorium setelah perbadanan tersenarai telah menjanakan pendapatan operasi 1 tahun kewangan penuh berdasarkan penyata kewangan teraudit yang terkini.
 - (e) Jika penganjur juga memiliki sekuriti yang boleh ditukar atau dilaksanakan kepada syer biasa pemohon, pemegangan syer penganjur yang akan diletakkan di bawah moratorium harus berjumlah 45% daripada jumlah bilangan syer biasa pemohon yang diterbitkan dengan andaian penukaran atau pelaksanaan penuh sekuriti tersebut yang dimiliki oleh penganjur.
- (1A) Moratorium akan dikenakan terhadap penjualan, pemindahan atau penyerahan hak syer yang dipegang oleh penganjur berikut untuk tempoh 6 bulan dari tarikh penerimaan masuk ke Senarai Rasmi:
- (a) penganjur yang merupakan -
 - (i) perbadanan yang menjalankan aktiviti modal teroka atau ekuiti swasta dan berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia menurut Garis Panduan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia mengenai Pendaftaran Perbadanan Modal Teroka dan Ekuiti Swasta dan Perbadanan Pengurusan, sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa; atau

-
- (ii) pelabur istimewa yang diiktiraf oleh Malaysian Business Angels Network; atau
 - (b) penganjur pemohon yang memenuhi kriteria kuantitatif untuk penerimaan masuk ke Pasaran Utama Bursa pada tarikh penyerahan permohonan penyenaian kepada Bursa, seperti yang disahkan oleh Penaja pemohon.
- (1B) Penganjur perbadanan tersenarai boleh mengajukan permohonan kepada Bursa untuk dikecualikan dari penerusan pematuhan Subkaedah (1)(b) dan (c) sekiranya perbadanan tersenarai memenuhi kriteria kuantitatif untuk penerimaan masuk ke Pasaran Utama Bursa setelah penerimaan masuk ke Senarai Rasmi, seperti disahkan oleh Penaja perbadanan tersenarai.
- (1C) Bursa tidak akan meluluskan permohonan yang dibuat menurut Subkaedah (1B) di atas melainkan ia berpuas hati dengan urus tadbir korporat dan rekod pematuhan perbadanan tersenarai menurut Kehendak-kehendak ini.
- (1D) Jika perbadanan tersenarai memperolehi sesuatu aset yang mengakibatkan perubahan yang signifikan di dalam haluan perniagaan atau dasar perbadanan tersenarai, moratorium akan dikenakan atas syer perbadanan tersenarai yang diterima oleh vendor aset ("**syer pertimbangan**") seperti berikut -
- (a) vendor yang termasuk di dalam takrif "penganjur" di dalam Kehendak-kehendak ini mesti mematuhi kehendak moratorium di dalam Subkaedah (1) atau (1A) di atas, di dalam kes yang berkenaan, berkaitan syer pertimbangan; dan
 - (b) vendor yang tidak termasuk di dalam takrif "penganjur" di dalam Kehendak-kehendak ini tidak akan dibenarkan menjual, memindah atau menyerahkan hak kesemua syer pertimbangan untuk 6 bulan dari tarikh penerimaan masuk syer tersebut ke di dalam Senarai Rasmi.
- (2) Jika penganjur atau vendor adalah perbadanan tidak tersenarai, semua pemegang syer langsung dan tidak langsung perbadanan tidak tersenarai (sama ada individu atau perbadanan tidak tersenarai lain) hingga kepada pemegang syer individu akhir mesti memberi aku janji kepada Bursa bahawa mereka tidak akan menjual, memindah atau menyerahkan hak sekuriti mereka di dalam perbadanan yang tidak tersenarai untuk tempoh yang ditentukan di dalam Subkaedah (1), (1A) atau (1D) di atas, di dalam kes yang berkenaan.
- (3) Walau apa pun Subkaedah (1) atau (1A) di atas, penganjur adalah dibenarkan untuk memindahkan syer yang tertakluk kepada moratorium, untuk memudahkan mekanisme penstabilan harga.
- (4) Jika pemohon melakukan mekanisme penstabilan harga sebagai sebahagian daripada skim penyenaian dan syer penganjur yang akan dipegang di bawah moratorium telah dipinjam oleh pengurus penstabilan, pengurus penstabilan I dan pemohon mesti menyerahkan satu pengesahan bertulis bahawa syer tersebut dikembalikan kepada penganjur dan diletakkan di bawah moratorium di dalam tempoh 5 hari pasaran setelah -
- (a) tamat tempoh penstabilan 30 hari kalendar bermula dari hari pertama dagangan di Bursa; atau
 - (b) pada hari opsyen pengumpulan berlebihan dilaksanakan sepenuhnya,
- mana yang terdahulu.

3.20 Penggunaan wang dari pelanggan syer yang dibayar ke dalam akaun amanah

Mana-mana wang yang diterima oleh pemohon dari mana-mana orang yang telah memberikan balasan untuk syer menurut satu terbitan, tawaran untuk pelanggan atau pembelian, atau jemputan untuk melanggan atau membeli, sekuriti yang penyenaiaannya telah diluluskan mesti dilaksanakan selaras dengan seksyen 215 atau 243 CMSA, sebagaimana yang boleh terpakai.

BAHAGIAN D - PENAJA**3.21 Penaja**

- (1) Pemohon mesti mendapatkan dan mengekalkan perkhidmatan Penaja untuk tempoh berikut:
 - (a) sekurang-kurangnya 3 tahun kewangan penuh selepas penerimaan masuk ke Senarai Rasmi; atau
 - (b) sekurang-kurangnya 1 tahun kewangan penuh setelah pemohon menjana pendapatan operasi,
mana yang terkemudian.
- (2) Penaja kepada pemohon yang menyerahkan permohonannya untuk penerimaan masuk ke Senarai Rasmi akan bertindak sebagai Penajanya untuk sekurang-kurangnya 1 tahun kewangan penuh berikutan penerimaan masuk pemohon ke Senarai Rasmi.
- (2A) Perbadanan tersenarai boleh memohon kepada Bursa untuk dikecualikan dari penerusan pematuhan dengan Subkaedah (1) di atas sekiranya -
 - (a) tempoh 1 tahun kewangan penuh telah berlalu sejak penerimaan masuknya ke Senarai Rasmi; dan
 - (b) ia memenuhi kriteria kuantitatif untuk penerimaan masuk ke Pasaran Utama Bursa, yang disahkan oleh Penaja perbadanan tersenarai.
- (2B) Bursa tidak akan meluluskan permohonan yang dibuat menurut Subkaedah (2A) di atas melainkan ia berpuas hati dengan urus tadbir korporat dan rekod pematuhan perbadanan tersenarai menurut Kehendak-kehendak ini.
- (3) Bagi mengelakkan keraguan, Subkaedah (1), (2) dan (2A) di atas juga terpakai kepada perbadanan tersenarai yang melaksanakan cadangan korporat yang akan mengakibatkan perubahan yang signifikan di dalam haluan perniagaan atau dasar perbadanan tersenarai.

[Bab tamat]

LAMPIRAN 3A**Kandungan dokumen perundingan pra-penerimaan masuk**
(Kaedah 3.01A(2))

- (a) Nama Syarikat.
- (b) Tarikh dan tempat penubuhan.
- (c) Tarikh mula beroperasi.
- (d) Aktiviti utama dan model perniagaan syarikat, termasuk sebarang permit atau lesen yang diperlukan untuk beroperasi (jika berkenaan).
- (e) Tempat perniagaan utama.
- (f) Struktur pemegangan syer dan struktur kumpulan (sekiranya berkenaan).
- (g) Perincian mengenai penganjur, termasuk kelayakan, pengalaman dan sebarang kepentingan di dalam perniagaan lain.
- (h) Maklumat kewangan teraudit yang berikut, yang dibuat secara penyatuan (jika berkenaan) untuk 3 tahun kewangan yang lepas atau sejak tarikh penubuhan, sekiranya syarikat diperbadankan kurang dari 3 tahun:
 - (i) penyata pendapatan;
 - (ii) penyata kedudukan kewangan; dan
 - (iii) penyata aliran tunai,termasuk sama ada penyata kewangan syarikat mengandungi apa-apa pendapat bersyarat oleh juruauditnya pada masa lalu.
- (i) Pelan masa hadapan syarikat yang ringkas.
- (j) Alasan ingin memohon untuk diterima masuk ke Senarai Rasmi, termasuk keterangan am mengenai cadangan penggunaan untuk jumlah dana yang akan dikumpulkan.
- (k) Apa-apa perkara lain untuk perbincangan.

[Lampiran tamat]